

**BIODATA**  
**BUNG KARIM ( ABDUL KARIM ABDULLAH )**

Nama sebenar beliau ialah Haji Abdul Karim b. Haji Abdullah dan berasal dari Kampung Bangau Tanjung, Temerloh, Pahang Darul Makmur. Dilahirkan pada 6 September 1937. Bapa beliau bernama Hj. Abdullah Hj. Mohd. Ali dan ibu beliau bernama Hajjah Selamah Hj. Mohd. She. Kerjayanya bermula sebagai guru dan kemudiannya berminat menjadi seorang penyusun dan penyelenggara buku tokoh-tokoh sastera. Di antara lain pengalaman bertugas, beliau pernah menjadi Setiausaha Sulit (SUS) kepada Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri pada tahun 1997-1999. Aktiviti sampingan beliau ketika di luar tugas di mana beliau pernah menjadi Ahli Pengasas Dewan Persuratan Melayu Pahang (DPMP) pada tahun 1957, Ahli Jawatankuasa Persatuan Kayu Kayan Bumiputera Malaysia, Naib Yang Di Pertua Dewan Persuratan Melayu Pahang dan juga pernah menjadi Presiden Klas 33 Dale Carnegie Course In Public Speaking & Human Relation pada tahun 1967.

Beliau juga aktif dan memberi sumbangan yang besar dalam politik negara. Selama ini, hanya beliau satu-satunya tokoh yang gigih mengumpul dan menyelenggara tulisan pengarang-pengarang terkenal. Perpustakaan Negara Malaysia telah berusaha mendapatkan koleksi beliau yang begitu bernilai untuk dijadikan bahan rujukan dan penyelidikan bagi generasi masa kini dan akan datang. Di antara hasil karya yang dikarang oleh beliau adalah Mutiara Fikir Sasterawan Negara Keris Mas yang diterbitkan pada tahun 1997 serta Melayu Hilang Keberanian: Satu Polemik diterbitkan pada tahun 1998.